



31 Disember 2018
31 December 2018
P.U. (A) 389

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN)
(NO. 10) 2018

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 10) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (NO. 10) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengeccualian) (No. 10) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“aktiviti digalakkan bagi Koridor Raya Multimedia” ertinya aktiviti yang dinyatakan dalam ruang (2), Jadual 1 yang diluluskan oleh Menteri, tetapi tidak termasuk aktiviti perdagangan, pengilangan atau penyediaan perkhidmatan telekomunikasi;

“aktiviti menjanakan pendapatan teras” ertinya aktiviti yang dijalankan oleh suatu syarikat yang layak di Malaysia untuk memberikan perkhidmatan berhubungan dengan aktiviti digalakkan bagi Koridor Raya Multimedia sebagaimana yang diluluskan di bawah penganugerahan status Koridor Raya Multimedia;

“bandar siber atau pusat siber Koridor Raya Multimedia” ertinya kawasan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sebagai bandar siber atau pusat siber Koridor Raya Multimedia dari semasa ke semasa;

“premis yang ditetapkan” ertinya premis dalam kawasan bandar siber atau pusat siber Koridor Raya Multimedia yang ditetapkan sebagai sedemikian oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa;

“surat kelulusan” ertinya surat kelulusan yang dikeluarkan kepada syarikat yang layak berkenaan dengan penganugerahan status Koridor Raya Multimedia;

“status Koridor Raya Multimedia” ertinya status Koridor Raya Multimedia yang dianugerahkan oleh Kerajaan Malaysia kepada syarikat yang layak;

“tempoh pengecualian” ertinya tempoh pengecualian sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan 4(1) atau apa-apa tempoh pengecualian lanjutan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan 5(1), mengikut mana-mana yang berkenaan.

Syarikat yang layak

3. Syarikat yang layak ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan bermastautin di Malaysia—

(a) yang memenuhi kehendak yang berikut:

(i) belum mengeluarkan invois bagi aktiviti menjanakan pendapatan teras di Malaysia pada tarikh permohonan bagi penganugerahan status Koridor Raya Multimedia dibuat; atau

(ii) mempunyai enam puluh peratus pemilikan ekuiti Malaysia dan belum mengeluarkan invois bagi aktiviti menjanakan pendapatan teras di Malaysia melebihi dua belas bulan sebelum tarikh permohonan bagi penganugerahan status Koridor Raya Multimedia dibuat;

(b) yang telah membuat permohonan kepada Menteri bagi penganugerahan status Koridor Raya Multimedia pada atau selepas 1 Januari 2019; dan

(c) yang telah dianugerahkan status Koridor Raya Multimedia oleh Kerajaan Malaysia.

Pengecualian

4. (1) Tertakluk kepada perenggan ini, Menteri boleh mengecualikan suatu syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperolehi daripada aktiviti menjanakan pendapatan teras bagi tempoh lima tahun bermula dari tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Syarikat yang layak hendaklah, dalam tempoh dua puluh empat bulan dari tarikh penganugerahan status Koridor Raya Multimedia, memohon penentuan tarikh permulaan tempoh pengecualian.

(3) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) adalah tertakluk kepada syarikat yang layak mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Menteri berhubung dengan pengecualian itu sebagaimana yang dinyatakan dalam surat kelulusan, yang hendaklah termasuk seperti yang berikut:

- (a) syarikat yang layak hendaklah menggaji bilangan minimum pekerja sepenuh masa bagi menjalankan aktiviti menjanakan pendapatan teras sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2 atau bilangan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri;
- (b) pekerja sepenuh masa yang disebut dalam subsubperenggan (a) hendaklah mempunyai amaun minimum gaji asas bulanan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2 atau amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri; dan
- (c) syarikat yang layak hendaklah melakukan amaun minimum perbelanjaan operasi tahunan dan pelaburan dalam harta tetap bagi menjalankan aktiviti menjanakan pendapatan teras sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2 atau amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(4) Amaun pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti menjanakan pendapatan teras dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang dikenakan dengannya pembayaran cukai pendapatan dikecualikan di bawah Perintah ini hendaklah sama ada seratus peratus atau tujuh puluh peratus daripada pendapatan berkanun, sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri mengikut Jadual 2 dan dinyatakan dalam surat kelulusan.

(5) Menteri boleh menentukan pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan (1) adalah pendapatan nilai tambahan.

(6) Pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan (1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang kena dibuat di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu telah dibuat.

(7) Tiada apa-apa dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain, di bawah Akta.

(8) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pendapatan berkanun suatu syarikat yang layak yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah tidak termasuk apa-apa pendapatan daripada royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada hak harta intelek jika ianya diterima sebagai balasan bagi pengeksploitasian secara komersial hak tersebut.

(9) Apa-apa pendapatan yang diperoleh daripada hak harta intelek yang disebut dalam subperenggan (8) adalah tertakluk kepada cukai di bawah Akta.

(10) Bagi maksud perenggan ini—

(a) “pendapatan nilai tambahan” ertinya pendapatan berkanun bagi tempoh asas bagi tahun taksiran tolak pendapatan asas yang dilaraskan mengikut inflasi;

(b) “pendapatan asas yang dilaraskan mengikut inflasi” hendaklah ditentukan mengikut formula berikut—

(i) bagi tahun taksiran pertama operasi syarikat yang layak:

$$A (1 + B)$$

iaitu A ialah pendapatan berkanun purata suatu syarikat yang layak untuk sehingga tiga tahun sebelum tahun taksiran pertama operasi syarikat yang layak;

B ialah kadar inflasi untuk tahun asas;

(ii) bagi tahun taksiran kedua operasi syarikat yang layak dan kemudiannya:

$$C (1 + B)$$

iaitu C ialah pendapatan yang dilaraskan mengikut inflasi untuk tahun yang sebelumnya; dan

B ialah kadar inflasi untuk tahun asas; dan

(c) “hak harta intelek” ertinya suatu hak yang timbul daripada apa-apa paten, inovasi dan penemuan utiliti, hak cipta, cap dagangan dan cap perkhidmatan, reka bentuk industri, reka bentuk susun atur litar bersepadu, proses atau formula dan pengetahuan rahsia,

petunjuk geografi, pemberian perlindungan suatu varieti tumbuhan dan hak-hak lain yang serupa, sama ada berdaftar atau boleh daftar.

Pelanjutan tempoh pengecualian

5. (1) Menteri boleh melanjutkan tempoh pengecualian yang disebut dalam subperenggan 4(1) bagi tempoh lima tahun lagi tertakluk kepada syarikat yang layak itu memenuhi syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan 4(3).

(2) Permohonan bagi lanjutan tempoh pengecualian hendaklah dibuat oleh syarikat yang layak secara bertulis kepada Menteri tidak lewat dari tiga puluh hari sebelum tamat tempoh pengecualian yang disebut dalam subperenggan 4(1).

(3) Pelanjutan tempoh pengecualian hendaklah bermula dari tarikh berikutnya selepas tamat tempoh pengecualian yang disebut dalam subperenggan 4(1) dan berterusan selama tempoh lima tahun.

(4) Tiada lanjutan tempoh pengecualian hendaklah diberikan jika pengecualian yang diberikan adalah ke atas pendapatan nilai tambahan yang disebut dalam subperenggan 4(5).

Penarikan balik pengecualian

6. (1) Menteri boleh menarik balik pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 4(1) sekiranya syarikat yang layak gagal mematuhi mana-mana syarat yang disebut dalam subperenggan 4(3) atau mana-mana peruntukan di bawah Akta atau Perintah ini.

(2) Jika pengecualian ditarik balik mengikut subperenggan (1), penarikan balik itu hendaklah disifatkan berkuat kuasa—

(a) dari tarikh pengecualian itu mula berkuat kuasa; atau

- (b) jika Menteri fikirkan patut, dari suatu tarikh selepas tarikh pengecualian itu mula berkuat kuasa, sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

Punca berasingan dan akaun berasingan

7. (1) Jika syarikat yang layak menjalankan suatu aktiviti menjanakan pendapatan teras dan aktiviti selain aktiviti menjanakan pendapatan teras, setiap aktiviti hendaklah dikira sebagai suatu punca berasingan dan berlainan bagi aktiviti itu.

(2) Syarikat yang layak yang diberikan pengecualian di bawah subperenggan 4(1) hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1).

Ketidakpakaian

8. Perintah ini tidak terpakai bagi syarikat yang layak yang dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu—

- (a) telah membuat tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta atau elaun pelaburan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
- (b) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327] berkenaan dengan aktiviti menjanakan pendapatan teras;
- (c) telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta berkenaan dengan aktiviti menjanakan pendapatan teras; atau
- (d) telah membuat suatu tuntutan bagi potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali—

- (i) kaedah-kaedah berhubung dengan elaun di bawah Jadual 3 Akta;
- (ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; atau
- (iii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [*P.U. (A) 336/2014*].

Peruntukan khas

9. (1) Menteri boleh mengecualikan suatu syarikat sedia ada yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti menjanakan pendapatan teras, bagi tempoh yang akan ditentukan oleh Menteri.

(2) Bagi maksud pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1)—

(a) “syarikat sedia ada yang layak” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan bermastautin di Malaysia, yang sebelum 1 Januari 2019, telah dianugerahkan status Koridor Raya Multimedia dan diberikan—

- (i) status perintis di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986; atau
- (ii) pengecualian cukai pendapatan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2015 [*P.U. (A) 50/2015*],

dan tempoh pengecualian di bawahnya belum bermula atau telah bermula tetapi belum tamat pada atau selepas 1 Januari 2019;

(b) aktiviti menjanakan pendapatan teras hendaklah aktiviti yang diluluskan di bawah penganugerahan status Koridor Raya Multimedia syarikat sedia ada yang layak itu;

- (c) peratusan pendapatan berkanun yang dikecualikan hendaklah peratusan yang diluluskan di bawah penganugerahan status Koridor Raya Multimedia syarikat sedia ada yang layak itu; dan
- (d) semua peruntukan di bawah Perintah ini hendaklah terpakai bagi syarikat sedia ada yang layak itu kecuali—
 - (i) subperenggan 3(a) dan (b); dan
 - (ii) subperenggan 4(1), (4) dan (5).

(3) Menteri boleh memberikan pelanjutan tempoh pengecualian kepada suatu syarikat sedia ada yang layak yang telah tamat tempoh pengecualian, berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti menjanakan pendapatan teras, bagi tempoh lima tahun bermula dari tarikh sebagaimana yang akan ditentukan oleh Menteri.

(4) Bagi maksud pelanjutan yang diberikan di bawah subperenggan (3)—

- (a) “syarikat sedia ada yang layak yang telah tamat tempoh pengecualian” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan bermastautin di Malaysia, yang sebelum 1 Januari 2019, telah dianugerahkan status Koridor Raya Multimedia dan diberikan—
 - (i) status perintis di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986; atau
 - (ii) pengecualian cukai pendapatan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2015,

dan tempoh pengecualian bagi lima tahun pertama di bawahnya telah tamat sebelum 1 Januari 2019;

- (b) peratusan pendapatan berkanun yang dikecualikan hendaklah seratus peratus; dan
- (c) semua peruntukan di bawah Perintah ini hendaklah terpakai bagi syarikat sedia ada yang layak yang telah tamat tempoh pengecualian cukai itu kecuali—

 - (i) subperenggan 3(a) dan (b);
 - (ii) subperenggan 4(1), (2), (4) dan (5); dan
 - (iii) perenggan 5.

JADUAL 1

(1) No.	(2) Aktiviti digalakkan
1.	Analisis data besar
2.	Kecerdasan buatan
3.	Teknologi kewangan
4.	Internet benda
5.	Sekuriti siber (teknologi/perisian/reka bentuk dan sokongan)
6.	Pusat data dan awan (teknologi/perisian/reka bentuk dan sokongan)
7.	Blok rantai
8.	Teknologi media kreatif
9.	Platform ekonomi perkongsian
10.	Antara muka pengguna dan pengalaman pengguna
11.	Reka bentuk litar bersepadu dan perisian terbenam
12.	Pencetakan 3D (teknologi/perisian/reka bentuk dan sokongan)
13.	Robotik (teknologi/perisian/reka)
14.	Autonomi (teknologi/perisian/reka bentuk dan sokongan)
15.	Sistem atau rangkaian seni bina reka bentuk dan sokongan
16.	<p>Perkhidmatan perniagaan global atau penyumberluaran proses pengetahuan tidak termasuk:</p> <p>(a) Bukan teknikal</p> <p>(b) Pusat panggilan bernilai rendah</p> <p>(c) Kemasukan data</p> <p>(d) Penyumberluaran proses perekrutan</p>

JADUAL 2

Syarikat yang layak	Kategori 1		Kategori 2		Kategori 3	
Peratusan pengecualian cukai pendapatan	100%				70%	
Tempoh pengecualian	5 tahun				5 tahun	
Pelanjutan tempoh pengecualian	5 tahun				Boleh memohon pelanjutan tempoh pengecualian tertakluk kepada syarikat yang layak bertukar daripada Kategori 3 kepada Kategori 1 atau Kategori 2 dan memenuhi syarat yang dikenakan, mengikut mana-mana yang berkenaan	
Lokasi aktiviti menjanakan pendapatan teras dijalankan	Premis ditetapkan dalam kawasan bandar siber atau pusat siber Koridor Raya Multimedia		Dalam kawasan bandar siber atau pusat siber Koridor Raya Multimedia		Tidak tertakluk kepada syarat lokasi	
Syarat						
Bilangan minimum pekerja sepenuh masa	50 orang	30 orang	50 orang	30 orang	30 orang	20 orang
	Pusat Data: 5 orang					
Amaun minimum gaji asas bulanan pekerja sepenuh masa (RM)	5,000.00	10,000.00	5,000.00	10,000.00	5,000.00	8,000.00
	Pusat Data: 5,000.00					
Amaun minimum perbelanjaan operasi tahunan dan pelaburan dalam harta tetap (RM)	3,500,000.00				1,000,000.00	
	Pusat Data: 10,000,000.00					

Dibuat 31 Disember 2018

[Perb. 0.3865/73(SJ.133-4); LHDN.AY.A.600-12/1/7(23)-2; PN(PU2)80/XCII]

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL
Timbalan Perdana Menteri
yang menjalankan fungsi-fungsi Menteri Kewangan

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai
Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 10) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 10) Order 2018**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2019.

Interpretation

2. In this Order—

“promoted activities for Multimedia Super Corridor ” means activities as set out in column (2) of Schedule 1 as approved by the Minister, but not including trading, manufacturing activities or provision of telecommunication services;

“core income generating activities” means activities undertaken by a qualifying company in Malaysia to provide services in relation to promoted activities for Multimedia Super Corridor as approved under the award of the Multimedia Super Corridor status;

“Multimedia Super Corridor cyber city or cyber centre” means an area that is recognized by the Government of Malaysia as the Multimedia Super Corridor cyber city or cyber centre from time to time;

“designated premises” means premises within the Multimedia Super Corridor cyber city or cyber centre designated as such by the Government of Malaysia from time to time;

“approval letter” means the approval letter issued to the qualifying company in respect of the award of the Multimedia Super Corridor status;

“Multimedia Super Corridor status” means the Multimedia Super Corridor status awarded by the Government of Malaysia to the qualifying company;

“exemption period” means the exemption period as specified in subparagraph 4(1) or any extended exemption period as specified in subparagraph 5(1), as the case may be.

Qualifying company

3. Qualifying company means a company which is incorporated under the Companies Act 2016 [*Act 777*] and resident in Malaysia—

- (a) which fulfills the following requirements:
 - (i) has not issued any invoice for the core income generating activities in Malaysia on the date the application for the award of the Multimedia Super Corridor status is made; or
 - (ii) has sixty per cent Malaysian equity ownership and has not issued any invoice for the core income generating activities in Malaysia more than twelve months prior to the date the application for the award of the Multimedia Super Corridor status is made;
- (b) which has made an application to the Minister for the award of the Multimedia Super Corridor status on or after 1 January 2019; and
- (c) which has been awarded the Multimedia Super Corridor status by the Government of Malaysia.

Exemption

4. (1) Subject to this paragraph, the Minister may exempt a qualifying company in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of the statutory income derived from the core income generating activities for a period of five years commencing from a date to be determined by the Minister.

(2) The qualifying company shall, within twenty four months from the date of the award of the Multimedia Super Corridor status, request for the determination of the commencement date of the exemption period.

(3) An exemption granted under subparagraph (1) is subject to the qualifying company complying with all the conditions imposed by the Minister in relation to the exemption as specified in the approval letter, which shall include the following:

- (a) the qualifying company shall employ a minimum number of full time employees to carry on the core income generating activities as specified in Schedule 2 or such other number as determined by the Minister;
- (b) the full time employees referred to in subparagraph (a) shall have a minimum amount of monthly base salary as specified in Schedule 2 or such other amount as determined by the Minister; and
- (c) the qualifying company shall incur a minimum amount of annual operating expenditure and investment in fixed asset to carry on the core income generating activities as specified in Schedule 2 or such other amount as determined by the Minister.

(4) The amount of statutory income derived from the core income generating activities in the basis period for a year of assessment in respect of which the payment of income tax is exempted under this Order shall be either one hundred per cent or seventy per cent of the statutory income, as approved by the Minister in accordance with Schedule 2 and specified in the approval letter.

(5) The Minister may determine that the statutory income referred to in subparagraph (1) shall be the value added income.

(6) The statutory income referred to in subparagraph (1) in the basis period for each year of assessment shall be determined after deducting the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made.

(7) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the qualifying company from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information, under the Act.

(8) For the avoidance of doubt, the statutory income of a qualifying company referred to in subparagraph (1) shall not include any income from royalty and other income derived from an intellectual property right if it is receivable as consideration for the commercial exploitation of that right.

(9) Any income derived from intellectual property right referred to in subparagraph (8) is subject to tax under the Act.

(10) For the purpose of this paragraph—

(a) “value added income” means the statutory income for the basis period for the year of assessment less the inflation adjusted base income;

(b) “inflation adjusted base income” shall be determined in accordance with the following formula—

(i) for the first year of assessment of the qualifying company’s operation:

$$A (1 + B)$$

where A is the average statutory income of a qualifying company for up to three years prior to the first year of assessment of the qualifying company's operation; and
 B is the rate of inflation for the basis year;

(ii) for the second year of assessment of the qualifying company's operation onwards:

$$C (1 + B)$$

where C is the inflation adjusted income for the preceding year; and
 B is the rate of inflation for the basis year;
 and

(c) "intellectual property right" means a right arising from any patent, utility innovation and discovery, copyright, trade mark and service mark, industrial design, layout-design of integrated circuit, secret processes or formulae and know-how, geographical indication and the grant of protection of a plant variety, and other like rights, whether or not registered or registrable.

Extension of exemption period

5. (1) The Minister may extend the exemption period referred to in subparagraph 4(1) for another period of five years subject to the qualifying company complying with all of the conditions specified in subparagraph 4(3).

(2) An application for the extension of the exemption period shall be made by the qualifying company in writing to the Minister not later than thirty days before the expiry of the exemption period referred to in subparagraph 4(1).

(3) The extension of the exemption period shall begin from the subsequent date after the expiry of the exemption period referred to in subparagraph 4(1) and continues for a period of five years.

(4) No extension of the exemption period shall be granted where the exemption granted is on value added-income as referred to in subparagraph 4(5).

Withdrawal of exemption

6. (1) The Minister may withdraw the exemption granted under subparagraph 4(1) if the qualifying company fails to comply with any of the conditions referred to in subparagraph 4(3) or with any provisions under the Act or this Order.

(2) Where the exemption granted under subparagraph (1) is withdrawn, the withdrawal shall be effective—

(a) from the date the exemption comes into effect; or

(b) if the Minister thinks fit, from such other date after the date the exemption comes into effect, as determined by the Minister,

as the case may be.

Separate source and separate account

7. (1) Where a qualifying company carries on a core income generating activities and activity other than the core income generating activities, each activity shall be treated as a separate and distinct source of the activity.

(2) The qualifying company which is granted an exemption under subparagraph 4(1) shall maintain a separate account for the income derived from each activity referred to in subparagraph (1).

Non-application

8. This Order shall not apply to a qualifying company who in the basis period for a year of assessment—

(a) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance under Schedule 7B to the Act;

(b) has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*] in respect of the core income generating activities;

(c) has been granted an exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act in respect of the core income generating activities; or

(d) has made a claim for deduction under any rules made under Section 154 of the Act except—

(i) the rules in relation to allowance under Schedule 3 to the Act;

(ii) the Income Tax (Deduction for Audit Expenditure) Rules 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; or

(iii) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2014 [*P.U. (A) 336/2014*].

Special provision

9. (1) The Minister may exempt an existing qualifying company in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of the statutory income derived from the core income generating activities, for a period to be determined by the Minister.

(2) For the purpose of the exemption granted under subparagraph (1)—

(a) “existing qualifying company” means a company incorporated under the Companies Act 2016 and resident in Malaysia, which, prior to 1 January 2019, has been awarded the Multimedia Super Corridor status and granted—

(i) pioneer status under the Promotion of Investments Act 1986; or

(ii) income tax exemption under the Income Tax (Exemption) (No. 2) Order 2015 [*P.U.(A) 50/2015*],

and the exemption period thereunder has not commenced or has commenced but has not expired on or after 1 January 2019;

(b) the core income generating activities shall be the activities approved under the award of the Multimedia Super Corridor status of the existing qualifying company;

(c) the percentage of the statutory income to be exempted shall be the percentage approved under the award of the Multimedia Super Corridor status of the existing qualifying company; and

(d) all provisions under this Order shall apply to the existing qualifying company, except—

(i) subparagraphs 3(a) and (b); and

(ii) subparagraphs 4(1), (4) and (5).

(3) The Minister may grant an extension of the exemption period to an existing qualifying company which exemption period has ended, in respect of statutory income derived from the core income generating activities, for a period of five years commencing from a date to be determined by the Minister.

(4) For the purpose of the extension granted under subparagraph (3)—

(a) “existing qualifying company which exemption period has ended” means a company incorporated under the Companies Act 2016 and resident in Malaysia, which, prior to 1 January 2019, has been awarded the Multimedia Super Corridor status and granted—

(i) pioneer status under the Promotion of Investments Act 1986; or

(ii) income tax exemption under the Income Tax (Exemption) (No. 2) Order 2015,

and the first five years of the exemption period thereunder has expired before 1 January 2019;

(b) the percentage of the statutory income to be exempted shall be one hundred per cent; and

(c) all provisions under this Order shall apply to the existing qualifying company which exemption period has ended, except—

(i) subparagraphs 3(a) and (b);

(ii) subparagraphs 4(1), (2), (4) and (5); and

(iii) paragraph 5.

SCHEDULE 1

(1) No.	(2) Promoted activity
1.	Big data analytics
2.	Artificial intelligence
3.	Financial technology
4.	Internet of things
5.	Cybersecurity (technology/software/design and support)
6.	Data centre and cloud (technology/software/design and support)
7.	Blockchain
8.	Creative media technology
9.	Sharing economy platform
10.	User interface and user experience
11.	Integrated circuit design and embedded software
12.	3D printing (technology/software/design and support)
13.	Robotic (technology/software/design)
14.	Autonomous (technology/software/design and support)
15.	Systems or network architecture design and support
16.	Global business services or knowledge process outsourcing excluding: <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="323 1373 608 1413"><i>(a)</i> Non-technical <li data-bbox="323 1485 703 1525"><i>(b)</i> Low value call centre <li data-bbox="323 1597 560 1637"><i>(c)</i> Data entry <li data-bbox="323 1709 874 1749"><i>(d)</i> Recruitment process outsourcing

SCHEDULE 2

Qualifying company	Category 1		Category 2		Category 3	
Percentage of income tax exemption	100%				70%	
Exemption period	5 years				5 years	
Extension of exemption period	5 Years				May apply for an extension of exemption period provided that the qualifying company changed from Category 3 to Category 1 or Category 2 and fulfills the conditions imposed, as the case may be	
Location where core income generating activities are carried out	Designated Premises within Multimedia Super Corridor cyber city or cyber centre		Within Multimedia Super Corridor cyber city or cyber centre		Not subjected to location condition	
Conditions						
Minimum number of full time employees	50 persons	30 persons	50 persons	30 persons	30 persons	20 persons
	Data Centre: 5 persons					
Minimum amount of monthly base salary for full time employees (RM)	5,000.00	10,000.00	5,000.00	10,000.00	5,000.00	8,000.00
	Data Centre: 5,000.00					
Minimum amount of annual operating expenditure and investment in fixed asset (RM)	3,500,000.00				1,000,000.00	
	Data Centre: 10,000,000.00					

Made 31 December 2018

[Perb. 0.3865/73(SJ.133-4); LHDN.AY.A.600-12/1/7(23)-2; PN(PU2)80/XCII]

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL
Deputy Prime Minister
exercising the functions of the Minister of Finance

*[To be laid before Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the
Income Tax Act 1967]*